



PENTAKSIRAN BERTULIS

Tahun 2

Percubaan

Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 **Soalan 1** berdasarkan gambar di bawah ini.



- Anak-anak Mak Yah sangat rajin. _____selalu membantu Mak Yah tanpa perlu diminta.
- A Dia
 - B Saya
 - C Mereka
- 2 Pinggan mangkuk _____oleh Chu Mei di dapur.
- A dicuci
 - B tercuci
 - C bercuci
- 3 Bola itu terjatuh dari _____almari.
- A bawah
 - B atas
 - C tepi

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Berjoging mempunyai banyak faedah. Antaranya, badan kita menjadi cergas dan otak menjadi cerdas. Berjoging juga dapat mencegah penyakit jantung, mengelakkan obesiti dan dapat memanjangkan umur.

Berjoging boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Kita boleh berjoging di padang, di taman, di tepi pantai atau di kawasan perumahan. Semasa berjoging kita dapat menghirup udara segar dan melihat pemandangan sekitar. Marilah kita berjoging.

- 4 Kita perlu berjoging untuk
 - A menjadi cantik.
 - B menjadi obesiti.
 - C menjaga kesihatan.
- 5 Di manakah tempat yang **tidak** sesuai berjoging?
 - A Di padang.
 - B Di tepi pantai.
 - C Di dalam kelas.
- 6 Mengapakah berjoging mudah dilakukan?
 - A Kerana berjoging murah dilakukan.
 - B Kerana berjoging memberikan banyak faedah.
 - C Kerana berjoging menjadikan otak cerdas.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **bahan** di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kedai Haiwan Comel No. 567, Jalan Indah, Taman Intan Permata, 06600 Kuala Kedah, Kedah. Tel: 019-1234567		
		No. 78910 Tarikh: 20 Februari 20□□
Diterima daripada: Encik Hisyam bin Akmal		
Bilangan	Perkara	Jumlah (RM)
1.	anak kucing jenis Parsi	700.00
2.	sangkar Kaka	170.00
3.	biskut Kuki	39.00
Jumlah		RM909.00
Diterima oleh: (Mohd. Razif bin Taha) Kedai Haiwan Comel		

- 7 Apakah nama kedai haiwan di atas?
- A Kedai Comel Cantik.
 - B Kedai Kucing Comel.
 - C Kedai Haiwan Comel.
- 8 Penjodoh bilangan untuk kucing ialah
- A seekor
 - B sebuah
 - C serumpun
- 9 Siapakah yang membeli anak kucing Parsi?
- A Encik Mohamad Razif bin Taha
 - B Encik Hisyam bin Akmal
 - C Encik Syam bin Shahlin
- 10 Berapakah harga anak kucing Parsi?
- A RM700.00
 - B RM909.00
 - C RM170.00

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Cikgu Muzalfah telah tamat belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau sangat gembira apabila menerima surat tawaran kerja. Cikgu Muzalfah mendapat tawaran mengajar di Sarawak. Beliau akan mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Petanak, Mukah. Beliau telah dihantar oleh keluarganya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Kedatangan Cikgu Muzalfah disambut dengan mesranya oleh penduduk kampung. Beliau mengajar murid dengan penuh kasih sayang. Cikgu Muzalfah amat mementingkan kejayaan muridnya. Banyak murid beliau telah berjaya dalam peperiksaan. Murid-

- 1 Di manakah Cikgu Muzalfah belajar?

Cikgu Muzalfah belajar di _____

[1 markah]

- 2 Apakah nama sekolah yang ditawarkan kepada Cikgu Muzalfah?

Sekolah yang ditawarkan _____

[2 markah]

- 3 Gariskan **kata nama khas** yang terdapat dalam ayat diberi.

Beliau mendapat tawaran mengajar di Sarawak.

[1 markah]

- 4 Pilih dan tandakan (✓) satu sahaja bagi pernyataan yang **benar** tentang Cikgu Muzalfah.

Cikgu Muzalfah mengajar dengan penuh kasih sayang.

Cikgu Muzalfah mengajar di Sabah.

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, lengkapkan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu terjumpa seekor burung di halaman rumah kamu. Sayap burung itu telah patah.

mengambil	merawat	gembira
melepaskan	makanan	

Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Saya akan _____burung itu. Kemudian, saya akan
_____ sayap burung itu. Saya memberi burung _____

Setelah burung itu sembuh, saya akan _____burung itu
terbang bebas. Saya berasa _____dapat menyelamatkan
burung itu.

[/5 markah]

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang cara menjaga kebersihan pakaian. Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kebersihan pakaian** dengan melengkapkan perenggan menggunakan perkataan atau frasa yang diberikan.

Jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



dibasuh

cahaya matahari

kemas

pendapat

dilipat kemas


Pada _____ saya, pakaian yang kotor perlu _____ dengan menggunakan bahan pencuci yang sesuai. Selepas itu, pakaian perlu dijemur di bawah _____. Pakaian yang telah kering perlu _____ dan disimpan di dalam almari. Pakaian yang perlu digosok sebelum dipakai hendaklah digosok supaya kelihatan _____.

[/10 markah]

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian lengkapkan sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat **atau** tidak berformat dengan perkataan yang diberi. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



berjerebu	buruk	pencemaran	Asap	berkurangan
kemalangan	raya	kimia	menyedut	kotor

Jerebu membawa kesan (1)_____ kepada manusia.

Pembakaran hutan akan menyebabkan (2)_____ udara.

(3) _____ daripada pembakaran mengotorkan udara dan menyebabkan alam sekitar (4) _____.

Kesihatan orang ramai akan terganggu kerana (5)_____ udara yang kotor. Jarak penglihatan juga (6) _____.

Keadaan ini boleh membahayakan pengguna jalan (7) _____ dan (8)_____ boleh berlaku.

Udara di sekeliling kita menjadi (9) _____. Udara yang kotor mengandungi bahan (10) _____. Oleh itu, hargai alam sekitar kita.

[/20 markah]

KERTAS UJIAN TAMAT

